

Bukan semudah tukar kasut

Sinar Harian - 31/7/2019 m/s. 9

Pas berpendirian jawatan PM tidak sepatutnya bertukar dalam masa singkat

ABDUL HADI

MOHD AZLIM ZAINURY

MARANG

Pas tegas dengan pendirian mahu Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tun Dr Mahathir Mohamad kekal sebagai Perdana Menteri sehingga tamat tempoh

satu penggal mandat Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, perkara itu perlu dilakukan kerana jawatan Perdana Menteri bukan semudah seperti memakai kasut yang boleh ditukar dalam tempoh singkat.

"Rasionalnya, mesti masa yang cukup. Jangan tergesa-gesa, apalagi janji Pakatan Harapan (PH) belum ditunaikan. Belum tunai, takkan hendak tukar di tengah jalan. Belum tunai janji apa apa.

"Jadi Perdana Menteri ini bukan macam pakai kasut, tukar sekejap-sekejap. Biar betul-betul stabil dan beliau ada pengalaman jadi Perdana Menteri yang paling lama.

"Ada peranan masa dia memerintah dahulu, kita boleh ambil pengalaman daripada dia. Apa lagi dalam usianya itu, kita perlu beri peluang kepada dia," katanya ditemui pemberita di Rusila di sini semalam.

Ahli Parlimen Marang itu bagaimanapun menafikan pendiriannya itu senada dengan Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang mahu Dr Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri sehingga akhir penggal.

"Dia (Azmin) lain, saya lain. Dia parti lain, saya parti lain. Saranan saya (dibuat) pada awal-awal dahulu tidak berubah," katanya.

Menurutnya, Dr Mahathir

perlu diberi peluang selagi mampu untuk melaksanakan tugas sebagai Perdana Menteri selain pemimpin paling menonjol dalam PH.

"Dia (Dr Mahathir) yang lebih menonjol dalam PH. Kita kena sedar parti Melayu dalam PH hanya Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu).

"Macam saya sebut (sebelum ini), parti PKR bukan parti Melayu, PAN (Parti Amanah Negara) adalah parti cabang DAP, bukan parti Melayu.

"Sebab itu kita beri kepada parti Bersatu, namun ia masih terpulang kepada pemimpin itu untuk membuat keputusan bagi dirinya," katanya beliau.